

SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA

**PHARMANIAGA HARGAI CEO DATUK ZULKARNAIN
ATAS PERKHIDMATAN DAN SUMBANGAN**

Jawatankuasa Eksekutif Kendali Operasi, Perniagaan Seperti Biasa untuk Kumpulan

SHAH ALAM, 14 Mac 2023 – Lembaga Pengarah Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Datuk Zulkarnain Md Eusope yang telah meletakkan jawatan berkuat kuasa hari ini.

Datuk Zulkarnain telah berkhidmat di Pharmaniaga sejak September 2020 dan sepanjang tempoh perkhidmatannya, pihak Syarikat telah berjaya mencatatkan pertumbuhan yang sangat baik dalam perniagaan untuk sektor swasta di Malaysia, dan juga di Indonesia. Lembaga Pengarah mendoakan yang terbaik untuk Datuk Zulkarnain dalam apa jua bidang yang akan diceburinya.

Dalam tempoh interim ini, Lembaga Pengarah telah membentuk Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) yang dipengerusikan oleh Ahmad Shahredzuan Mohd Shariff, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif; dan disertai oleh pihak Pengurusan - Zulkifli Jafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif; Mohamed Iqbal Abdul Rahman, Ketua Pegawai Operasi; dan Norai'ni Mohamed Ali, Ketua Pegawai Kewangan. EXCO akan mengambil alih tanggungjawab dan melaksanakan fungsi-fungsi CEO.

EXCO memberi jaminan urusan perniagaan Pharmaniaga akan berjalan seperti biasa dan semua aktiviti operasi bagi perniagaan konsesi dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dan perniagaan bukan konsesi dengan KKM, kementerian-kementerian lain, serta sektor swasta akan kekal utuh dan tidak terganggu. Pihak Syarikat turut komited untuk memenuhi semua tanggungjawab dan kewajipan kepada pelanggan-pelanggan dan rakan-rakan kongsi perniagaani.

EXCO juga akan memberi tumpuan kepada penyediaan Pelan Regularisasi PN17 yang akan diselia oleh Pasukan Petugas Lembaga Pengarah PN17 yang baru ditubuh dan dipengerusikan oleh Datuk Lim Thean Shiang, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Pharmaniaga.

Pengumuman lanjut akan dibuat sekiranya terdapat perkembangan material mengenai perkara ini.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

Mengenai Pharmaniaga Berhad

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, atau emel zuhri@pharmaniaga.com.